



## SIARAN MEDIA

### ***RESPITE CARE PERKHIDMATAN ALTERNATIF PENJAGAAN WARGA EMAS***

**PUTRAJAYA, 9 JULAI 2015** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa merencana pelbagai alternatif dalam memastikan kebajikan dan perlindungan kepada warga emas sentiasa menjadi keutamaan.

Menurut Menterinya, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, bersesuaian dengan pembangunan semula Rumah Seri Kenangan (RSK) Cheras, beberapa program baharu telah dirancang bagi memperluaskan lagi fungsi dan manfaatnya kepada pelbagai pihak yang mana salah satu program tersebut adalah perkhidmatan *Respite Care* untuk warga emas.

“*Respite Care* adalah perkhidmatan alternatif kepada waris atau penjaga untuk menempatkan secara sementara warga emas dalam jagaannya di institusi bagi suatu tempoh tertentu, disebabkan tuntutan tugas di luar kawasan atau negara, atau apa-apa sebab yang memerlukan warga emas ditempatkan di institusi dengan jaminan keselamatan,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penashiat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) Bil. 1/2015 di kementeriannya, hari ini.

“Bayaran yang akan dikenakan kepada penjaga atau waris adalah bayaran yang paling minima dan berpatutan, itupun bagi memupuk rasa tanggungjawab kepada penjaga atau waris dan supaya mereka tidak mengambil kesempatan dengan membiarkan warga emas terus menerus menetap di RSK Cheras,” tambah beliau lagi.

Antara syarat-syarat permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan *Respite Care* adalah warga emas mesti merupakan warganegara Malaysia berumur 60 tahun dan ke atas, boleh menguruskan diri sendiri dan disahkan bebas dari sebarang penyakit berjangkit, virus atau tiada

kecelaruan mental oleh Pegawai Perubatan. Selain itu, warga emas atau waris perlu meneliti segala terma dan syarat perkhidmatan serta perlu menandatangani Surat Akujanji di hadapan pegawai bertugas ketika mendaftar masuk.

“Kini JKM sedang dalam peringkat terakhir untuk merealisasikan *Respite Care* yang dijangka akan beroperasi pada tahun ini juga dengan memurnikan lagi prosedur pengoperasiannya agar segala kemudahan, program dan aktiviti di institusi bersama penghuni lain bagi tujuan mengelakkan mereka dari rasa terasing dan kesunyian sepanjang tempoh berada di institusi,” kata Rohani.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah YBhg. Dato' Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Dato' Zulkiply Hj Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, pegawai-pegawai kanan KPWKM dan JKM.

####

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 6, 9-18, No. 55  
Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 Putrajaya

No.Telefon : 019-2333110 (Haneem) / 019-2164031 (Ain)  
Tarikh dikeluarkan : 9 Julai 2015